

05/02/2005

MAHATHIR-PROTON

TUN MAHATHIR NAFI BERI TEKAMAN KEPADA KERAJAAN TENTANG HAL EHWAL PROTON

PUTRAJAYA, 5 Feb (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan bahawa beliau mempengaruhi kerajaan dalam hal ehwal pembuat kereta nasional, Proton Holdings Bhd, yang menyaksikan pengerusinya meletakkan jawatan minggu ini.

Tiada pihak yang harus menuding jari kepada beliau berikutan peletakan jawatan Datuk Abu Hassan Kendut, kata bekas perdana menteri itu pada sidang media di sini, hari ini.

"Saya tidak pernah mengenakan tekanan ke atas kerajaan, saya sentiasa berkata, bila saya berundur saya tidak akan ganggu kerajaan.

"Saya tiada kaitan dengan Hassan Kendut atau sesiapaapun," kata beliau menyentuh tentang laporan yang mendakwa peletakan jawatan Hassan berpunca daripada rayuan Dr Mahathir bagi menghalang langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Pengarah Proton untuk menyingkirkan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff.

Sambil menegaskan bahawa beliau tidak mahu membuat kerajaan "pening kepala", Dr Mahathir, yang merupakan penasihat Proton berkata : "Saya tidak rayu lembaga Khazanah (Nasional Bhd, pemegang saham majoriti Proton) atau lembaga pengarah Proton."

Mahathir berkata, beliau jarang-jarang berhubung dengan kerajaan mengenai hal ehwal Proton.

"Saya tak pernah berhubung, lebih-lebih lagi dengan Perdana Menteri kerana beliau sangat sibuk. Kadang-kadang Menteri Kewangan Kedua bertanya kepada saya beberapa perkara tentang Proton dan saya akan beritahu beliau syarikat itu berjalan dengan baik, ia meraih keuntungan.

"Tetapi, jika kerajaan bertanya sesuatu kepada saya, tentulah saya beri pendapat saya. Dan saya pernah ditanya sama ada Tengku Mahaleel patut dikekalkan atau tidak. Saya kata, tentulah, saya tak nampak kenapa beliau tidak harus dikekalkan."

Beliau berkata, gambaran yang beliau dapat daripada satu pertemuan dengan empat ahli lembaga Proton, termasuk Abu Hassan, kira-kira lima bulan lalu ialah mereka tidak mahu Tengku Mahaleel terus dikekalkan.

Bagaimanapun, katanya, tidak ada sungutan yang benar-benar mengatakan Proton tidak dikendalikan dengan baik.

Dalam satu mesyuarat keseluruhan lembaga pengarah berikutnya, Tengku Mahaleel memberi taklimat mengenai prestasi Proton tetapi tiada apa berlaku pada mesyuarat itu yang membayangkan beliau patut disingkirkan, jelas bekas perdana menteri itu.

Dr Mahathir berkata, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, telah bertanya kepada beliau sebulan lalu tentang kedudukan Tengku Mahaleel dan beliau menjawab, Tengku Mahaleel harus dikekalkan.

Beliau berkata, lembaga pengarah mungkin mahu menyingkirkan Tengku Mahaleel kerana "tidak begitu patuh."

"Saya rasa, mungkin kerana mereka memintanya melakukan sesuatu dan beliau tidak bersetuju melakukannya," kata beliau apabila diminta menjelaskan apa yang beliau maksudkan.

Dr Mahathir berkata, beliau mendapati Tengku Mahaleel seorang yang berbudi bahasa.

"Tetapi beliau mempunyai tingkah laku tertentu seperti ketawa berdekah-dekah dan perkara-perkara seperti itu. Barangkali ini tidak menyenangkan sesetengah orang. Saya rasa ini gaya orang Kelantan sebab Tengku Razaleigh Hamzah juta begitu. Bila dia dapati sesuatu yang

menggelikan hati, beliau ketawa berdekah-dekah."

Dr Mahathir berkata, Tengku Mahaleel tidak harus disingkirkan memandangkan Proton adalah sebuah syarikat yang menguntungkan dan telah mencapai suatu tahap dalam teknologi automotif.

Kata Dr Mahathir, beliau kagum dengan pengetahuan Tengku Mahaleel yang luas tentang industri kereta.

"Jika beliau tidak mempunyai pengetahuan itu, saya rasa Proton telahpun gagal sekarang ini," tegasnya.

Dr Mahathir berkata, penyingkiran seorang CEO (ketua pegawai eksekutif) hanya harus berlaku jika seseorang itu gagal memenuhi tanggungjawabnya, menyalah urus syarikat atau mencuri daripada syarikat.

"Jika mereka boleh beritahu saya, syarikat kehilangan wang, beliau mencuri wang atau seumpamanya, saya rasa itu memang wajar. Tetapi, mereka tidak kata semua itu.

"Memanglah Tengku Mahaleel tidak popular di kalangan orang tertentu, tetapi memang mustahil untuk menjadi popular di kalangan semua kakitangan," katanya. -- BERNAMA

MAD FR KY